



Pelancaran TITAS Penuh Simbolik



Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menyempurnakan gimik pelancaran modul TITAS sambil diperhatikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah (dua dari kiri) dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi (tiga dari kiri).

PUTRAJAYA, 16 September – Majlis pelancaran Modul Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) oleh Kementerian Pengajian Tinggi berlangsung dengan penuh simbolik menerusi gimik dan persembahan multimedia yang dijayakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Majlis Berbuka Puasa dan Ramah Mesra Menteri Pengajian Tinggi Bersama Pelajar Institut Pengajian Tinggi.

Persembahan UPM bermula dengan dua pahlawan dari Asia Tengah mengandar peti harta karun ke pentas utama sebelum Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin membuka peti yang terkandung buku TITAS.

Persembahan disusuli oleh tayangan multimedia selama 3 minit telah menarik perhatian penonton kerana memaparkan garapan artistik imej dan simbolik tamadun serta temubual dengan beberapa penulis dan penyunting buku tersebut.

Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM, Prof. Madya Dr. Zaid Ahmad merupakan antara penulis modul TITAS tersebut.

Sementara itu Datuk Khaled berkata modul baru itu akan menyeragamkan modul TITAS sedia ada di peringkat seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bermula Julai tahun depan kerana modul sedia ada menggunakan silibus berlainan mengikut kehendak setiap IPTA.

Modul TITAS yang merupakan modul wajib sejak tahun 1999 berkisar mengenai ilmu ketamadunan dan pengetahuan tamadun-tamadun besar Asia dan Islam, pertukaran idea dan budaya serta proses pinjam-meminjam antara tamadun.

Majlis yang berlangsung di Putrajaya International Convention Centre (PICC) tersebut turut melancarkan penyampaian buku pelaburan Amanah Saham 1Malaysia kepada 20 wakil pelajar IPTA.



Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin memperlihatkan modul TITAS terbaru.

Berita disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia